

**UPACARA PERASMIAN KOMPLEKS METHYL TERTIARY BUTYL
ETHER/PROPYLENE DAN POLYPROPYLENE**

KUANTAN, PAHANG, 25 November 1993

Saya mengucapkan terima kasih kepada PETRONAS kerana menjemput saya untuk merasmikan Kompleks Petrokimia Methyl Tertiary Butyl Ether (MTBE)/Propylene dan Polypropylene pada hari ini. Majlis ini menandakan satu lagi kemajuan penting dalam pembangunan industri petroleum Malaysia.

2. Hampir dua tahun lalu, pada bulan Disember 1991, saya telah merasmikan pelancaran peringkat kedua projek Penggunaan Gas Semenanjung atau PGU II, iaitu projek yang telah meletakkan asas bagi negara memasuki era gas.

3. Antara industri yang boleh meraih faedah sepenuhnya daripada pelaksanaan projek PGU II ini ialah industri petrokimia, memandangkan telah pun wujud kemudahan daripada segi pembekalan tenaga dan 'feedstock' atau bahan mentah bagi industri tersebut. Dengan ini pelaksanaan kompleks petrokimia untuk mengeluarkan MTBE, propylene dan polypropylene di Kawasan Perindustrian Gebeng ini merupakan satu langkah penting yang sudah pasti akan membuka satu lembaran baru dalam program perindustrian negara kita.

4. Sebagaimana kita sedia maklum, Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP II) yang merangkumi Dasar Pembangunan Nasional (DPN), menandakan permulaan satu era baru dalam usaha kita menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang maju, bukan sahaja dalam bidang ekonomi tetapi juga dalam semua bidang kehidupan menjelang tahun 2020. Untuk mewujudkan asas yang kukuh bagi menggalakkan pertumbuhan yang berterusan, penekanan perlu diberikan kepada industri yang mempunyai nilai ditambah dan penggunaan lebih besar serta pemerosesan bagi sumber-sumber asli domestik. Selain daripada itu, teras Rancangan ialah untuk mengukuhkan asas teknologi bagi meningkatkan lagi keupayaan dalam negara serta menggalakkan daya saingan di peringkat antarabangsa. Semua ini mesti diiringi dengan peningkatan pendapatan bagi pekerja kita serta penduduk pada keseluruhannya kerana kita juga perlu memperkukuhkan pasaran tempatan untuk membantu barangan keluaran negara. Ini hendaklah dilakukan melalui peningkatan produktiviti tanpa berlakunya inflasi. Semua ini memang nampak tidak mudah tetapi ianya bukanlah tidak mungkin jika kita bertindak secara teratur dan seperti yang dirancangkan.

5. Dalam tempoh kira-kira 10 tahun sahaja struktur eksport Malaysia telah berubah daripada menjadi pengeksport bahan mentah kepada pengeksport bahan nilai ditambah. Sekarang pula

menjadi pengeksport barangan buatan berteknologi tinggi. Ini membuktikan kejayaan kita dalam menarik industri-industri berteknologi tinggi ke negara ini. Adalah jelas bahawa Malaysia sekarang mendahului negara-negara membangun lain di rantau ini daripada segi eksport barangan berteknologi tinggi dan ia jelas mencerminkan keupayaan kita menguasai teknologi baru. Sungguhpun negara kini sedang berada di landasan yang sesuai daripada segi dasar, pengurusan dan pentadbiran, namun kita perlu melipatgandakan usaha-usaha untuk menguasai teknologi terpilih supaya kita mampu menjadi lebih kompetitif.

6. Dalam hal ini sektor swasta harus terus memainkan peranan sebagai jentera pertumbuhan untuk membawa negara ke arah perindustrian. Langkah PETRONAS dan rakan kongsinya melibatkan diri dalam pengeluaran bahan petrokimia secara besar-besaran, tentu sekali akan membantu mempercepatkan lagi proses menjadikan Malaysia negara maju yang cekap, dinamik dan berteknologi tinggi.

7. Sehingga kini, industri petrokimia di Malaysia masih berada di peringkat awal lagi. Dengan adanya rizab yang besar bagi gas asli, iaitu kira-kira 76.7 trilion kaki padu standard, dan oleh kerana kepelbagaian gunaannya, gas asli adalah bahan yang paling sesuai sebagai 'feedstock' untuk menghasilkan bahan-bahan petrokimia. Projek petrokimia pertama yang terbesar dilaksanakan dalam negara yang menggunakan sumber asli tempatan ialah projek baja kimia ASEAN di Bintulu yang mula beroperasi pada tahun 1985. Saya difahamkan bahawa semenjak itu PETRONAS sentiasa meninjau pilihan-pilihan lain untuk petrokimia, dengan mengambilkira keperluan untuk memenuhi permintaan pasaran. Sejalan dengan aspirasi nasional, saya berbangga PETRONAS telah melaksanakan beberapa projek petrokimia, termasuk projek MTBE/Propylene dan Polypropylene ini. Saya percaya negara menyanjungi 'prudence' dan 'commercial viability' yang diambilkira oleh PETRONAS semasa memilih bahagian petrokimia yang disertai olehnya.

8. Dalam usaha kita menjadi sebuah negara maju, satu perkara yang harus kita beri perhatian ialah keperluan mengambilkira kepentingan menjaga alam sekitar. Dengan perkembangan perindustrian dan urbanisasi yang begitu pesat, tekanan terhadap alam sekitar kini mula dirasai. Pada tahun-tahun 1950an dan 1960an, oleh kerana penggunaan kenderaan bermotor tidak begitu besar, pengeluaran asap kereta tidak begitu mencemarkan udara. Tetapi pada hari ini, jumlah kenderaan telah berlipat ganda, iaitu daripada 670,000 buah pada tahun 1970 kepada 5.5 juta buah pada tahun 1990. Dengan peningkatan bilangan kenderaan ini, maka asap yang mengandungi plumbum yang dikeluarkan ke udara kini semakin mengancam alam sekitar

dan juga kesihatan. Keadaan ini semakin meruncing dengan peningkatan bilangan loji-loji industri yang mengeluarkan sisa-sisa kotoran kerana semua ini memberi kesan buruk terhadap mutu alam sekitar.

9. Justeru itu langkah-langkah yang sesuai harus di pertingkatkan bagi mengimbangi pembangunan dan keperluan memelihara kualiti alam sekitar.

10. Kerajaan telah pun mengambil tindakan melalui penguatkuasaan undang-undang pada bulan Julai, 1985 untuk mengurangkan kandungan plumbum dalam gasolin, dari 0.84 gram kepada 0.4 gram bagi seliter, dan kemudiannya diturunkan lagi kepada 0.15 gram seliter pada bulan Januari, 1990.

11. Dalam usaha Kerajaan untuk mengurangkan masalah pencemaran udara, penubuhan loji MTBE ini adalah sesuai dan tepat pada masanya. Selain daripada menggantikan plumbum dalam gasolin sebagai 'octane booster', MTBE juga akan meningkatkan mutu gasolin tanpa plumbum yang dijual di negara ini.

12. Sesetengah negara telah pun mengiktirafkan sumbangan positif MTBE sebagai 'oxygenate'. Amerika Syarikat misalnya telah memperkenalkan Akta Udara Bersih yang memperuntukkan penggunaan minimum 'oxygenate' dalam gasolin tanpa plumbum. Begitu juga dengan Thailand yang telah memperkenalkan penggunaan MTBE dalam pengadunan gasolin. Singapura pula telah memperkenalkan insentif cukai istimewa bagi loji-loji penapis yang mengadun petrol tanpa plumbum. Malaysia juga telah mengambil langkah-langkah pro-aktif yang sama. Sepertimana yang diumumkan baru-baru ini, harga gasolin tanpa plumbum akan lebih murah tiga sen seliter pada tahun hadapan untuk menggalakkan penggunaan bahan api yang lebih bersesuaian dengan alam sekitar atau 'environmentally friendly fuel'. Langkah selanjutnya ialah pemansuhan duti import sebanyak 35 peratus dan cukai jualan sebanyak 10 peratus bagi 'catalytic converters' bagi menggalakkan penggunaan alat mengawal keluaran asap.

13. Dengan menggalakkan lebih banyak kenderaan menggunakan gasolin tanpa plumbum dan juga menerusi usaha PETRONAS menggalakkan penggunaan gas asli untuk kenderaan atau NGV, adalah diharapkan mutu udara di kawasan-kawasan banyak lalulintas, terutama di bandar-bandar, akan benar-benar dapat dipertingkatkan.

14. Dengan beroperasinya loji polypropylene ini, saya yakin PETRONAS akan dapat memainkan peranan yang penting sebagai pengeluar 'full-fledged' bagi 'monomers' dan 'polymers'. Ini

tentu sekali akan berjaya memerangsangkan perkembangan industri plastik tempatan.

15. Penggunaan plastik per kapita di Malaysia masih rendah berbanding dengan negara-negara lebih maju. Dengan loji ethylene dan polyethylene yang dijadualkan siap pada pertengahan tahun 1995, saya percaya industri plastik negara akan lebih bersedia untuk memasuki fasa pengembangan yang baru. Dengan adanya jaminan bekalan bahan-bahan mentah, Malaysia dijangka dapat terus mengekalkan daya saingnya dengan pengeluaran bahan-bahan yang berasaskan plastik. Di samping itu, para pengilang dan 'fabricators' akan lebih berpeluang untuk beralih daripada hanya mengeluarkan bahan-bahan gantian kepada menghasilkan barangan nilai ditambah dan barangan siap atau 'finished products'.

16. Dengan wujudnya kompleks di Gebeng ini maka Malaysia melangkah setapak lagi ke hadapan dalam bidang petrokimia. Projek ini juga akan menjadi sebagai penggerak untuk pembangunan Kawasan Perindustrian Gebeng, di samping menjadi nadi kepada industri-industri lain yang akan ditempatkan semula di kawasan ini. Rakyat negeri Pahang kini dapat menikmati hasil sampingan daripada projek ini menerusi peluang-peluang pekerjaan baru yang diwujudkan dan juga daripada segi peningkatan kemahiran penduduk tempatan.

17. Saya mengucapkan selamat maju jaya kepada rakan-rakan kongsi projek ini dan PETRONAS. Dengan ini juga, saya dengan sukacitanya merasmikan Kompleks Petrokimia MTBE/Propylene dan Polypropylene ini.